





SEMARAK IHYA' RAMADAN

Oleh: Putri Nur Gustawina

Pada 13 April 2023, Media and Communication Students Club (MCSC) dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam, Pusat Islam telah menganjurkan satu program kerohanian iaitu Ihya' Ramadan. Program ini bertujuan untuk memupuk sifat kerohanian dalam diri para peserta sepanjang Bulan Ramadan. Melalui program ini, MCSC bersependapat untuk memberi pengalaman baru kepada ahli kelab yang menjalani ibadah berpuasa buat pertama kalinya di UiTM Kampus Rembau. Majlis Tertinggi MCSC, Sukarelawan yang terdiri dari barisan pelajar UiTM Rembau serta Unit Hal Ehwal Islam telah bekerjasama untuk memasak bubur lambuk untuk diagihkan kepada semua pelajar Semester 1 dan Semester 2, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media seterusnya mendengar ceramah untuk memantapkan sifat kerohanian dalam diri pelajar. Perkara ini selaras dengan bidang Komunikasi dan Media yang amat mendorong perkembangan rohani dan jasmani yang seimbang dikalangan para pelajar. Justeru itu, program ini amat sesuai untuk para peserta untuk menimba pengalaman baharu disamping meningkatkan kerohanian dalam diri sendiri.

Para Ahli Jawatankuasa aktiviti telah berkumpul seawal jam 8 pagi di hadapan Pusat Islam untuk memasak Bubur Lambuk yang mengambil masa lebih 3 jam untuk disaji dan diedarkan kepada para Pelajar. Meskipun aktiviti ini berlangsung pada bulan Ramadan, Para AJK Pelaksana Aktiviti cekal dan tekun untuk menjayakan bubur lambuk meskipun sedang berpuasa. Buat pengetahuan ramai, ini merupakan pengalaman pertama bagi semua AJK Pelaksana untuk memasak bubur lambuk dalam kuantiti yang boleh diberi

kepada lebih 500 orang. Pengagihan bubur lambuk dilakukan selepas Ceramah Ihya' Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Al-Ghazalli Bin Abdol Malek selaku wakil Unit Hal Ehwal Islam, Pusat Islam. Ceramah ini telah dihadiri oleh para pelajar Semester 1 dan Semester 2, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Kampus Rembau setelah selesai Solat Asar secara berjemaah. Pada jam 5:30 petang, iaitu setelah ceramah tamat, pengagihan bubur lambuk yang telah dimasak oleh Para AJK yang bertugas pada para hadirin dan juga pelajar UiTM Rembau.

Program ini telah mendapat impak serta maklumbalas yang positif dari para hadirin serta pelajar UiTM Rembau kerana mereka dapat mengisi masa lapang mereka pada bulan ramadan dengan perkara yang berfaedah disamping mendapat bubur lambuk secara percuma. Bagi pihak AJK pelaksana program pula, program ini memberi pengalaman yang hebat dan mereka amat berpuas hati diakhir program. "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" itu lah peribahasa yang tepat bagi menggambarkan kerjasama erat dan hubungan silaturahim yang semakin akrab di antara Para AJK Pelaksana dalam menjayakan program ini. Akhir kata, MCSC berharap agar hubungan yang makin tersimpul erat ini kekal dan program Ihya Ramadan ini menjadi program lazim ketika bulan Ramadan di kampus.